



**Pusat Kerjasama
Universiti-Industri**
CENTRE FOR UNIVERSITY-INDUSTRY COLLABORATION
Universiti Utara Malaysia

GARIS PANDUAN SKIM GERAN INOVASI SOSIAL (*SOCIAL INNOVATION GRANT SCHEME*) (*SIGS*)

**PUSAT KERJASAMA UNIVERSITI-INDUSTRI (CUIC)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN	TAJUK/PERKARA	MUKA SURAT
	Glosari	3
1	PENGENALAN GERAN SIGS 1.1. Pengenalan Program Geran SIGS 1.2. Tujuan 1.3. Model Pembangunan Komuniti (MPK) 1.4. Skop Program Geran SIGS 1.5. Governan Geran SIGS	4 - 6
2	KAEDAH PELAKSANAAN PROGRAM GERAN SIGS 2.1. Pemilihan Komuniti 2.2. Penglibatan Industri dan Agensi Kerajaan 2.3. Pemilihan Projek Berimpak daripada Universiti 2.4. Kaedah Pemantauan dan Penilaian 2.5. Penarafan Bintang Program Komuniti	7 - 9
3	GARIS PANDUAN PERUNTUKAN DANA GERAN SIGS 3.1. Dana Geran SIGS 3.2. Carta Alir Permohonan Dana	10 - 19
4	PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PROJEK 4.1. Pemantauan Projek Geran SIGS 4.2. Implementasi Projek Geran SIGS 4.3 Penilaian Projek Geran SIGS 4.4 Hasil Projek Geran SIGS	20 - 22

GLOSARI

TERMA	DISKRIPSI
Agensi	Organisasi yang mengendalikan perkhidmatan atau pentadbiran kerajaan seperti Kementerian, Jabatan, Institut, Pusat dan lain-lain seumpamanya
Industri	Organisasi perniagaan seperti Syarikat Berkaitan/Milik Kerajaan (GLC), Syarikat Tersenarai Awam (PLC), Syarikat Berbilang Negara (MNC), Perniagaan Kecil dan Sederhana (SME).
Sekretariat Geran SIGS	Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC)
Keterangkuman	Saling menghormati dan mengasihi sesama ahli keluarga
Kebersamaan	Sentiasa mencari titik persamaan dalam segenap perkara
Komuniti	Kumpulan individu yang tinggal di sesuatu daerah atau negara yang mempunyai sifat - sifat kenderungan, kepentingan dan lain-lain yang serupa. Contohnya sekolah/penduduk/ kampung/kawasan perumahan/NGO
Penarafan Bintang Komuniti	Kaedah pengukuran pencapaian komuniti melalui pemindahan ilmu.

BAHAGIAN 1 : PENGENALAN GERAN SIGS

GARIS PANDUAN PERMOHONAN SKIM GERAN KOMUNITI/INOVASI SOSIAL

1.1 Pengenalan Program Geran SIGS

Skim Geran Inovasi Sosial (*Social Innovation Grant Scheme*) (SIGS) ini adalah bermatlamat membantu usaha kerajaan dalam menambah baik dan meningkatkan kebajikan sosial rakyat melalui transformasi pengetahuan, kemahiran, tingkah laku dan aspirasi komuniti. Geran ini adalah inisiatif Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC) untuk menyediakan pembiayaan bagi mengerakkan sumber intelektual dan infrastruktur fizikal universiti untuk tujuan pembangunan komuniti setempat serta memupuk sifat ketanggungjawaban pihak universiti terutamanya golongan cendekiawan terhadap usaha meningkatkan taraf hidup dan kebajikan sosial komuniti berhampiran.

Geran ini juga berperanan bagi membantu salah satu indikator di dalam *Malaysian Research Assesment* (MyRA) iaitu Inovasi Sosial. MyRA diperkenalkan bagi menilai kapasiti Universiti Awam (UA) di Malaysia dalam mencapai kecemerlangan dalam penyelidikan. MyRA diilhamkan berdasarkan konsep yang sejajar dengan perkembangan kepentingan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan penyelidikan dalam pembangunan sosio-ekonomi kebangsaan.

1.2 Tujuan

Geran ini akan membantu para penyelidik UUM untuk menyumbang secara terus kepada komuniti dengan menyediakan program kerjasama diantara kedua-dua pihak. Secara langsungnya, hasil daripada geran ini diharapkan dapat membantu mentransformasikan komuniti dari segi peningkatan pengetahuan, kemahiran, tingkah laku dan aspirasi.

1.3. Model Pembangunan Komuniti (MPK)

Model Pembangunan Komuniti akan diguna pakai sebagai panduan dalam pelaksanaan Geran SIGS. MPK bermaksud “suatu proses libat sama komuniti untuk mengambil tindakan kolektif dan menghasilkan penyelesaian masalah yang melibatkan kerajaan, pemimpin, aktivis, rakyat dan industri atau profesional untuk meningkatkan mutu kehidupan dan sosio ekonomi komuniti secara holistik. Ia biasanya bertujuan untuk membina komuniti tempatan yang lebih kuat dan lebih berdaya tahan”.

Elemen utama dalam MPK adalah seperti berikut:

1.3.1. Kehendak Komuniti

Pra-syarat MPK adalah mengenal pasti kehendak dan keperluan komuniti terlebih dahulu. Ini akan menjamin program benar-benar memberi manfaat kepada sasaran yang sesuai. Kehendak komuniti juga hendaklah selaras dengan matlamat pembangunan mampan (*Sustainable Development Goal*) 2015 - 2030.

1.3.2. Penglibatan Komuniti

Program yang dirangka hendaklah secara dua hala, iaitu universiti bersama dengan agensi kerajaan dan industri hendaklah melibatkan secara langsung komuniti yang berkaitan. Dalam hal ini, Geran SIGS perlu melibatkan seberapa banyak agensi kerajaan dan industri agar komitmen menyeluruh dapat dijalin bagi menggerakkan pelaksanaan program.

1.3.3. Impak Kepada Komuniti

Program yang dilaksanakan hendaklah mempunyai elemen pemantauan supaya program mencapai matlamat yang ditetapkan dan seterusnya memberikan impak kepada komuniti terutamanya dari segi ekonomi dan sosial. Dicadangkan komuniti yang dipilih adalah berhampiran universiti atau yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Penilai SIGS bagi tujuan pemantauan serta perbelanjaan yang efektif.

Tiga indikator pemantauan adalah:

1. Bilangan dan perincian kakitangan UUM, industri, komuniti dan lain-lain individu yang terlibat dalam projek,
DAN
2. Penjanaan pendapatan/peningkatan gaya hidup dan sosio-ekonomi komuniti,
DAN
3. Instrumen khusus yang direkabentuk yang digunakan sejajar dengan keperluan penyelesaian masalah dalam komuniti yang telah dikenalpasti.

1.3.4. Pengehakupayaan Komuniti

Pengehakupayaan merupakan matlamat akhir MPK iaitu komuniti berdikari dan berupaya mengembangkan Geran SIGS untuk manfaat bersama. Malahan mereka juga boleh membuat duplikasi kejayaan Geran SIGS di komuniti yang lain.

1.4. Skop Geran SIGS

Skop Geran SIGS adalah seperti berikut:

1.4.1. Membangunkan komuniti melalui Program komuniti angkat di lokaliti tertentu menggunakan konsep pemindahan ilmu yang bercirikan inovasi sosial mengikut bidang kepakaran.

1.4.2. Membantu komuniti menerusi perkongsian kepakaran, khidmat penyelidikan dan sains sosial dalam peningkatan kesejahteraan kehidupan dan sosio ekonomi.

1.5. Governan Geran SIGS

Struktur governan pelaksanaan Geran SIGS adalah seperti berikut:

1.5.1. Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi (JKPI)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) merupakan Pengerusi Mesyuarat JKPI. Penawaran dan penilaian geran akan dilaksanakan oleh Sekretariat iaitu Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC). Bagi pemantauan projek akan dilaksanakan oleh CUIC dan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC). Sebarang aktiviti berkaitan geran ini akan dilaporkan dalam Mesyuarat JKPI.

1.5.2. Peringkat Ketua Projek (KP)

Ketua projek dipilih dalam kalangan penyelidik mengikut kepakaran yang boleh melaksanakan projek komuniti. KP bertanggungjawab untuk melaksana, memantau dan memastikan hasil projek tercapai mengikut tempoh yang ditetapkan. KP juga bertanggungjawab melaporkan kemajuan pelaksanaan projek kepada Sekretariat SIGS dan RMC secara berkala.

1.5.3. Governan terhadap pelaksanaan projek serta penggunaan dana geran adalah tertakluk kepada Peraturan Universiti dan Garis Panduan Pengurusan Penyelidikan UUM.

BAHAGIAN 2

KAEDAH PELAKSANAAN PROGRAM GERAN SIGS

2.1. Pemilihan Komuniti

2.1.1. Komuniti adalah merujuk kepada

2.1.1.1. Komuniti adalah sekumpulan manusia yang berinteraksi bersama-sama di dalam sesuatu kelompok masyarakat dan boleh diterjemahkan melalui: Organisasi, entiti, persatuan atau pertubuhan yang bergerak untuk kepentingan bersama **atau**;

2.1.1.2. Institusi yang ditubuhkan untuk mencapai matlamat sosial seperti institusi pendidikan, sekolah, pra-sekolah dan institusi latihan; **atau**;

2.1.1.3. Jaringan perhubungan antara pelbagai lapisan komuniti **atau**;

2.1.1.4. Kumpulan individu yang bergerak secara sukarela untuk memberikan khidmat kepada komuniti yang mampu bekerjasama antara satu sama lain berasaskan kepada prinsip nilai murni yang merangkumi kenegaraan, kesusilaan, pembinaan negara bangsa, hak asasi dan etika.

2.1.2. Komuniti dipilih berdasarkan kepada cadangan isu yang datang daripada komuniti (*Community Based Needs*);

2.1.3. Isu yang diketengahkan adalah isu-isu di peringkat negara berdasarkan perspektif berikut:

2.1.3.1. Isu dalam bentuk permasalahan komuniti;

2.1.3.2. Isu dalam bentuk peluang yang bakal diperolehi oleh komuniti yang menerima manfaat.

2.1.4. Proses pemilihan komuniti hendaklah dibuktikan melalui kaedah *Community Based Needs* yang telah dilaksanakan semasa mengemukakan cadangan permohonan;

2.1.5. Projek dikehendaki untuk melibatkan sekurang-kurangnya tiga (3) komuniti.

2.2. Penglibatan Industri dan Agensi Kerajaan

- 2.2.1. Projek-projek yang dicadangkan mestilah melibatkan penglibatan bersama universiti, komuniti, agensi kerajaan dan industri;
- 2.2.2. Industri dan agensi kerajaan yang terlibat mestilah terlibat secara langsung dengan isu yang diketengahkan;
- 2.2.3. Penglibatan industri dan agensi kerajaan boleh berlaku dalam bentuk sumbangan kewangan dan/atau selain kewangan (*in-kind*) samada daripada peruntukan tanggungjawab sosial korporat (CSR) atau lain-lain sumbangan;
- 2.2.4. Sumbangan kewangan daripada industri boleh dipertimbangkan untuk pelepasan cukai tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan. Sekretariat Geran SIGS akan membantu menyelaraskan permohonan pelepasan cukai berkenaan.

2.3. Pemilihan Projek Berimpak daripada Universiti

- 2.3.1. Pemilihan projek adalah merujuk kepada elemen pelaksanaan pantas, kos rendah, berimpak dan lestari;
- 2.3.2. Projek berimpak bermaksud berlaku peningkatan perubahan kepada sikap, kemahiran, aspirasi dan tingkah laku komuniti penerima manfaat dan berupaya untuk menghakapaya komuniti lain dengan memindahkan ilmu kepada komuniti lain dan projek berkenaan mampu untuk kekal lestari tanpa bantuan universiti;
- 2.3.3. Projek yang dikategorikan berimpak tinggi yang dilaksanakan perlu menasaskan penarafan minimum tiga (3) bintang;
- 2.3.4. Projek digalakkan menasaskan taraf empat (4) dan lima (5) bintang sahaja;
- 2.3.5. Projek berpotensi dalam menghasilkan nilai Impak positif yang tinggi kepada komuniti. Antara impak ialah perubahan positif dari segi pengetahuan/ kemahiran/ tingkah laku atau aspirasi. Pengukuran impak perlu dilakukan sebelum dan selepas program (*Pre- and Post- Testing*).

2.4. Kaedah Pemantauan dan Penilaian

2.4.1. Kaedah pemantauan dan penilaian Geran SIGS adalah tertakluk kepada Garis Panduan Peruntukan Dana Geran SIGS yang telah ditetapkan (Rujuk Bahagian 3);

2.5. Penarafan Bintang Program Komuniti

2.5.1 Setiap pelaporan perlu diletakkan penarafan bintang jaringan komuniti oleh Ketua Penyelidik berdasarkan kriteria berikut:

TARAF	DISKRIPSI	IMPAK	INDIKATOR
5 ★★★★★	Penghakupayaan	Kesejahteraan komuniti dan peningkatan kualiti persekitaran Kelestarian amalan inovasi Memperkasa amalan inovasi	Komuniti/peserta mengendalikan perubahan secara berdikari tanpa penglibatan UUM
4 ★★★★	Perubahan Amalan	Manfaat secara terus dari amalan inovasi seperti peningkatan kualiti dan pendapatan, pengurangan kos	Komuniti/peserta menggunakan inovasi dalam bidang usahanya
3 ★★★	Perubahan Pengetahuan, Sikap, Kemahiran dan Aspirasi (PSKA)	Program tindakan komuniti membawa peningkatan pengetahuan, sikap, kemahiran dan aspirasi pada komuniti	Komuniti/peserta menunjukkan peningkatan pengetahuan, kemahiran serta perubahan sikap dan aspirasi <i>* Bukti Pengukuran melalui hasil analisis dan lain-lain</i>
2 ★★	Sokongan dan Penglibatan	Komuniti membentuk kesedaran terhadap kepentingan tindakan komuniti Hubungan strategik komuniti/ organisasi	UUM melaksanakan program bersama komuniti/peserta
1 ★	Jalanan Hubungan	Komuniti bertanggungjawab positif terhadap UUM dan program tindakan komuniti	Pengukuhan hubungan UUM-komuniti/peserta melalui kunjungan, lawatan, surat, email dan lain-lain

BAHAGIAN 3 : PENGURUSAN DANA GERAN SIGS

3.1. Dana Geran SIGS

Dana Geran SIGS ini merujuk kepada peruntukan yang disediakan oleh Universiti kepada penyelidik bagi tujuan pembangunan modal insan dan kesejahteraan komuniti untuk mencapai objektif pemindahan ilmu dan aktiviti pengembangan.

3.1.1. Setiap permohonan hendaklah memenuhi Bidang Tujahan Penyelidikan UUM seperti berikut:

- 1) *Business Innovation and Entrepreneurship*
- 2) *Community Development and Socio-Cultural*
- 3) *Creative and Media Management*
- 4) *Economic, Financial Analysis and Policy*
- 5) *International Relations, Security and Regional Cooperation*
- 6) *Law and Governance*
- 7) *Leadership and Institutional Building*
- 8) *Smart Digital Opportunities*

3.1.2. Bidang Tumpuan Utama

Pembiayaan dana Geran SIGS meliputi bidang tumpuan utama yang dapat menyokong aspirasi negara yang telah dikenalpasti seperti berikut:-

- 1) Pendidikan – meningkatkan tahap pendidikan di Malaysia
- 2) Ekonomi Komuniti – meningkatkan ekonomi komuniti setempat
- 3) Kelestarian dan Teknologi Hijau
- 4) Terangkuman/Inklusif – Kumpulan kelainan mampu atau upaya
- 5) Pembangunan kemahiran komuniti yang relevan
- 6) Kesejahteraan Sosial
- 7) Perubahan Iklim dan Persekitaran
- 8) Kesihatan
- 9) Lain-lain tumpuan mengikut keperluan semasa

3.1.3. Syarat- syarat Permohonan

Dana Geran SIGS ini terbuka kepada kakitangan UUM dengan syarat-syarat berikut:

- 1) Permohonan dibuka kepada staf akademik berstatus tetap dan aktif;
- 2) Warganegara Malaysia;
- 3) Staf akademik berstatus kontrak boleh memohon dengan syarat perlu ada ahli penyelidik berstatus tetap (tempatan).
- 4) Tempoh perkhidmatan Ketua Penyelidik mestilah berbaki sekurang-kurangnya enam (6) bulan daripada tarikh tutup permohonan Geran SIGS;
- 5) Bagi staf akademik bukan warganegara dimestikan mempunyai ahli penyelidik bersama warganegara Malaysia dan bertaraf tetap;
- 6) Tidak mengetuai mana-mana projek penyelidikan Geran Dalam Universiti (cth; Kajian Kes, SoTL, dan lain-lain) pada tahun permohonan;
- 7) Bilangan ahli projek adalah tidak kurang daripada seorang dan tidak melebihi lima (5) orang dalam satu projek tidak termasuk ketua penyelidik;
- 8) Pemohon hanya dibenarkan menjadi Ketua Projek bagi satu projek dan hanya satu permohonan projek sahaja akan diperakukan;
- 9) Pemohon mempunyai geran projek yang telah tamat dan berpotensi dikembangkan kepada komuniti (Geran yang didaftarkan di RMC diberi keutamaan);
- 10) Kriteria pemohon berikut adalah suatu kelebihan untuk memohon:
 - Pemohon mampu menggabung jalinkan penyelidikan dan SULAM berimpak kepada komuniti.
- 11) Setiap projek perlu mendapatkan penglibatan 3 komuniti;
- 12) Setiap projek dipohon perlulah melibatkan sekurang-kurangnya **satu (1) agensi, atau satu (1) industri** terpilih sebagai rakan kongsi pintar dan memberi manfaat kepada komuniti. Permohonan mesti mengemukakan surat kerjasama dengan agensi atau industri;
- 13) Ketua Projek dan ahli projek mestilah **TIDAK** mempunyai kepentingan dalam organisasi yang melibatkan keuntungan. (contoh: syarikat pemilikan bersama dan pemegang saham syarikat);
- 14) Ketua projek perlu mendapatkan surat komitmen dan kerjasama daripada komuniti;
- 15) Ketua Projek digalakkan untuk mendapatkan sumbangan dana tambahan

daripada agensi, industri atau komuniti sama ada dalam bentuk tunai atau bukan tunai (*in-kind*);

- 16) Tempoh projek adalah enam (6) bulan hingga 12 bulan;
- 17) Projek berbentuk “*one off*” tidak akan dipertimbangkan;
- 18) Pegawai akademik yang bercuti sabbatical atau belajar tidak dibenarkan menjadi Ketua Projek dan ahli;
- 19) Ketua Projek yang berpindah UA atau tidak berupaya menjalankan peranan hendaklah melepaskan kedudukan sebagai Ketua Projek dan melantik Ketua Projek Baharu. Walau bagaimanapun, beliau boleh kekal sebagai ahli dalam kumpulan projek berkenaan;
- 20) Ketua Projek yang menarik diri, perlu menunjukkan surat tunjuk sebab dan melantik ketua projek baharu dengan perakuan Sekretariat Geran SIGS dan kelulusan RMC;
- 21) Sekiranya berlaku perubahan skop tumpuan selepas kelulusan dana diperolehi, Ketua Projek perlu memohon perakuan Sekretariat Geran SIGS dan kelulusan RMC;
- 22) Projek penyelidikan yang sedang dijalankan akan diberikan pertimbangan.

3.1.2. Prosedur Permohonan Dana

- 3.1.3.1. Tawaran atau hebahan iklan permohonan projek dibuka dan di uar-uarkan kepada semua staf UUM;
- 3.1.3.2. Permohonan untuk projek Geran SIGS perlu menggunakan Borang Permohonan Geran SIGS yang terkini dan boleh dimuat turun melalui <http://cuic.uum.edu.my/>;
- 3.1.3.3. Borang Permohonan Geran SIGS di isi oleh ketua projek dan perlu bidang bidang tumpuan utama dan syarat yang telah ditetapkan;
- 3.1.3.4. Permohonan dihantar kepada Sekretariat Geran SIGS;
- 3.1.3.5. Semua permohonan hendaklah disahkan oleh Dekan Pusat Pengajian masing-masing;
- 3.1.3.6. Permohonan akan dinilai untuk kelulusan dalam Jawatankuasa Penilai Geran;
- 3.1.3.7. Permohonan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Penilai akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi (JKPI) untuk

- kelulusan;
- 3.1.3.8. Surat tawaran kelulusan projek dan penyaluran dana akan dikeluarkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC);
 - 3.1.3.9. Tatacara pengurusan kewangan penggunaan dana adalah mengikut kepada prosedur kewangan universiti dan Dokumen Peraturan Pengurusan Penyelidikan (3P).

3.1.3. Kriteria Kelayakan Permohonan

Berikut adalah kriteria utama kelayakan permohonan:

3.1.4.1. Pemindahan Ilmu

- a) Projek pemindahan ilmu berdasarkan kepada hasil penyelidikan/ inovasi/teknologi.

3.1.4.2. Kepakaran atau Tujahan

- a) Pelaksanaan projek Geran SIGS adalah berdasarkan kepakaran dan tujahan penyelidik.

3.1.4.3. Lokasi Komuniti

- a) Projek Geran SIGS hendaklah dijalankan di Negeri Kedah sahaja.
- b) Kumpulan sasaran berbeza walaupun dalam komuniti yang sama.

3.1.4.4. Definisi Komuniti

- a) Penglibatan persatuan penduduk/kawasan/kumpulan/individu.

3.1.4.5. Tempoh Projek

- a) Pelaksanaan projek enam (6) hingga 12 bulan.
- b) Pelaporan akhir (1 bulan selepas tarikh tamat).

3.1.4.6. Permasalahan Komuniti

- a) Permintaan/ permohonan daripada komuniti.
- b) Mempunyai pengesahan daripada wakil komuniti.

Kriteria tambahan (dipertimbangkan):

- 1) Projek berimpak tinggi (*flagship @* projek angkat).
- 2) Projek yang dipohon mempunyai sumbangan tunai atau *in-kind* daripada pihak luar secara padanan.
- 3) Projek yang telah dilaksanakan, sedia ada atau dinaiktaraf.
- 4) Kaedah pelaksanaan adalah secara padanan.

3.1.5 Penilaian Permohonan Dana

- 3.1.5.1 Penilaian geran akan dibuat oleh panel dalaman yang terdiri daripada pensyarah yang bersesuaian dengan bidang tujahan pemindahan ilmu dan/atau juga panel luar jika perlu;
- 3.1.5.2 Jawatankuasa Penilaian geran akan memperakukan keputusan permohonan dan pihak CUIC akan memaklumkan kepada Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi (JKPI);
- 3.1.5.3 Carta Alir Proses Permohonan Geran boleh dirujuk di Lampiran A.

3.1.6 Pemberitahuan Keputusan Dan Pengagihan Peruntukan

- 3.1.6.1 Surat kelulusan projek akan dimajukan kepada Ketua Projek dan salinan akan diberikan kepada ahli projek dan sekretariat SIGS oleh pihak RMC;
- 3.1.6.2 Dana akan disalurkan ke kod SO yang telah didaftarkan dan semua tuntutan perlu dibuat melalui RMC

3.1.7 Peruntukan Penyelidikan

- 3.1.7.1 Nilai setiap geran yang dipohon adalah tidak melebihi RM15,000.00 dengan jumlah projek adalah 20 projek (tertakluk kepada Jawatankuasa Penilaian Geran);
- 3.1.7.2 Setiap projek perlu menasasarkan sekurang-kurangnya 3 komuniti di lokasi projek tersebut.

3.1.8 Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals-SDG*)

- 3.1.8.1 Keutamaan diberikan kepada penyelidikan yang terangkum di dalamnya sumbangan ke arah pencapaian 1 daripada SDG berikut :
 - i. SDG 1- *No poverty*
 - ii. SDG 2 - *Zero Hunger*
 - iii. SDG 3- *Good health and well-being*
 - iv. SDG 4- *Quality education*
 - v. SDG 17 - *Partnerships for the goals*



** sumbangan kepada SDG lain juga akan dipertimbangkan

3.1.9 Peraturan Kewangan Permohonan Dana

Peruntukan bagi Geran SIGS adalah dibenarkan untuk apa-apa pembelian, pembayaran atau perolehan yang memenuhi kod perbelanjaan berikut:

3.1.9.1 Vot 11000 Upah dan Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)/Pembantu Penyelidik (RA)

Lantikan boleh dibuat secara bulanan ataupun secara harian maksimum 14 hari sebulan.

3.1.9.2 Vot 21000 Perjalanan dan Pengangkutan Perbelanjaan

Merangkumi semua perjalanan, penginapan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.

Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.

Perjalanan menghadiri seminar/persidangan adalah tidak dibenarkan.

Lawatan penanda aras tidak dibenarkan.

3.1.9.3 Vot 24000 Sewaan

Sewaan dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

3.1.9.4 Vot 27000 Bekalan dan Bahan Penyelidikan

Perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

3.1.9.5 Vot 28000 Baik pulih kecil dan ubahsuai

Perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan. Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan ketika penyelidikan masih aktif.

3.1.9.6 Vot 29000 Perkhidmatan Ikhtisas

Vot ini meliputi lain-lain caj perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium kepada pakar, pengurusan, perkhidmatan profesional, konsultansi, penggunaan komputer, pemprosesan data, yuran

pendaftaran harta intelek dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

Perkhidmatan Khas/ Belanja Pakai Habis merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja) untuk mempelajari teknik - teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah tidak melebihi tiga (3) bulan secara kumulatif. Jumlah perbelanjaan adalah tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan geran.

3.1.9.7 Vot 35000 Aksesori dan Peralatan

Pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan.

3.1.9.8 Vot 44000 Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap

Pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga mengikut pekeliling Perbendaharaan. Jumlah yang dipohon pula tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.

Vot ini digunakan untuk pembelian aset dan inventori yang akan diserahkan kepada komuniti sepenuhnya selepas tamat tempoh penyelidikan.

10.0 CAJ PENGURUSAN/PENTADBIRAN

Potongan caj sebanyak 5% (RMC dan CUIC) akan dibuat bagi kos pengurusan/pentadbiran dan pemantauan geran ini.

BAHAGIAN 4

PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PROJEK

4.1 Pemantauan Projek Geran SIGS

- 4.1.1 Setiap Ketua Projek perlu mengisi dan menghantar laporan prestasi serta kewangan projek dan membentangkan kemajuan projek Geran SIGS setiap tiga (3) bulan kepada Jawatankuasa Penilai.
- 4.1.2 Borang Laporan Kemajuan Berkala Geran SIGS dan Borang Laporan Akhir Geran SIGS perlu disahkan oleh Dekan Pusat Pengajian. Pemantauan juga akan dilakukan oleh RMC melalui Sistem Pemantauan UUM.
- 4.1.3 Laporan akhir projek perlu dihantar dalam tempoh satu (1) bulan selepas tamat projek dengan menggunakan Borang Laporan Akhir Geran SIGS kepada Sekretariat Geran SIGS.
- 4.1.4 Laporan akhir perlu disertai laporan daripada pihak komuniti dengan menggunakan Borang Maklumbalas Komuniti Geran SIGS.
- 4.1.5 Pembentangan oleh penyelidik pada laporan akhir projek dan perlu disertakan instrumen pengukuran seperti – carta perbatuan, bilangan penerima manfaat, peratusan (%) impak sebelum dan selepas projek dijalankan.

4.2 Implementasi Projek Geran SIGS

Semua program yang diluluskan di bawah dana Geran SIGS perlu dipantau oleh Sekretariat Geran SIGS daripada aspek:-

4.2.1 Prestasi Projek

- i. Pemantauan akan dijalankan sekurang-kurangnya satu (1) kali dalam tempoh projek.

- ii. Pemantauan kelestarian akan dilakukan selepas satu (1) bulan selepas projek tamat.

4.2.2 Prestasi Kewangan

- i. Keberkesanan dalam pengurusan kewangan dan perbelanjaan untuk projek akan dilakukan setiap tiga (3) bulan sehingga projek tamat.
- ii. Pemantauan dilakukan oleh Sekretariat Geran SIGS dengan kerjasama Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC).

4.3 Penilaian Projek Geran SIGS

- 4.3.1 Panel penilai yang dilantik akan melaksanakan proses penilaian di lokaliti projek selepas projek tamat.
- 4.3.2 Kaedah penilaian boleh dilaksanakan melalui lawatan, temubual, pembentangan, soal selidik dan Borang Penilaian Akhir Projek.
- 4.3.3 Hasil laporan penilaian akan diberi kepada Ketua Projek dan maklum balas tindakan pembedahan atau penambahbaikan perlu dilaksanakan dan disertakan bersama-sama dalam laporan akhir projek.

4.4 Hasil Projek Geran SIGS

Setiap projek perlu menetapkan sasaran yang relevan kepada objektif dan juga tujuan program Geran SIGS untuk pengukuran keberhasilan program seperti berikut:

4.4.1 Hasil Pemindahan Ilmu kepada komuniti

Dana Geran SIGS ini perlulah menyenaraikan hasil pemindahan ilmu kepadasaran yang ditetapkan sama ada pengetahuan, sikap, kemahiran dan aspirasi (PSKA).

4.4.2 Penerbitan


Semua projek mestilah menghasilkan penerbitan dalam bentuk laporan teknikal. Penghargaan kepada dana Geran SIGS mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap laporan yang diterbitkan. Hasil penerbitan yang perlu dipenuhi adalah seperti berikut:



- 1) Laporan teknikal – Borang Impak Jaringan Komuniti
- 2) Penerbitan dalam talian (laman sesawang/sosial media)
- 3) Dokumentari/video

4.4.3 Penyelidik juga digalakkan menghasilkan penerbitan seperti artikel jurnal berindeks/monograf/buku/akhbar/brosur.

4.4.4 Penyelidik juga digalakkan membuat pendaftaran satu (1) harta intelek. Harta Intelek hasil dana Geran SIGS menjadi hak milik Universiti Utara Malaysia tertakluk kepada Polisi Pengkomersilan di Pusat Inovasi & Pengkomersilan UUM (ICC).


Carta Alir Permohonan Dana Skim Geran Inovasi Sosial (*Social Innovation Grant Scheme*) (SIGS)




Tanggungjawab	Carta alir	Perincian	Rekod/Dokumen
			
Sekretariat Geran SIGS/ RIMC	9. Pengesahan Mesyuarat JKPI	9. Minit mesyuarat JKPI dari RIMC	
RIMC	10. Kelulusan Mesyuarat JKPI	10. Surat Tawaran Geran SIGS dikeluarkan oleh RIMC kepada Ketua Projek dan Salinan CUIC	Dokumen Perjanjian dan Surat Tawaran
RIMC	11. Penyaluran Dana Geran SIGS ke Kod SO	11. Dana disalurkan oleh Bendahari	
Ketua Projek	12. Pelaksanaan Projek seperti yang dirancang	12. Melaksanakan Projek seperti yang dirancang	
Ketua Projek	13. Pelaporan projek dan dokumentasi	13. Setiap projek yang dilaksanakan perlu menyediakan laporan dan dokumentasi.	Borang Laporan Kemajuan Berkala-setiap sukuan
Sekretariat Geran SIGS/ RIMC	14. Pemantauan dan penambahbaikan	14. Pemantauan projek oleh Urus setia Geran SIGS/ RIMC	Sistem Pemantauan UUM
			

Tanggungjawab	Carta alir	Perincian	Rekod/Dokumen
<div data-bbox="295 499 544 625">Sekretariat Geran SIGS</div> <div data-bbox="295 688 544 814">Ketua Projek Sekretariat Geran SIGS</div> <div data-bbox="302 915 537 1041">RIMC</div> <div data-bbox="302 1125 537 1251">RIMC</div>	<pre> graph TD C((C)) --> 15[15. Penilaian Akhir] 15 --> 16[16. Pelaporan Akhir] 16 --> 17[17. Penghantaran Laporan Akhir untuk kelulusan Mesyuarat JKPI] 17 --> 18[18. Mesyuarat JKPI] 18 --> 18T((18. Tamat)) </pre>	<div data-bbox="857 499 1096 625">15. Penilaian Akhir oleh Panel Penilai</div> <div data-bbox="857 688 1096 835">16. Borang Pelaporan Akhir perlu dihantar kepada Urus setia SIGS</div> <div data-bbox="847 1125 1101 1251">18. Pembentangan Laporan Akhir untuk kelulusan Mesyuarat JKPI</div>	<div data-bbox="1136 499 1372 625">Borang Penilaian Projek Geran SIGS</div> <div data-bbox="1143 688 1377 835">Borang Pelaporan Akhir</div>

PROSES PERMOHONAN, PENILAIAN & PENYALURAN DANA



PROSES PELAKSANAAN PROJEK



**Jawatankuasa Penilai
Skim Geran Inovasi Sosial (*Social Innovation Grant Scheme*) (SIGS)**

Pengerusi : Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali
Setiausaha : Pengarah CUIC
Ahli : Prof. Madya Dr. Ummu Atiyah binti Ahmad Zakuan
: Prof. Madya Dr. Md. Lazim Bin Mohd Zin
: Prof. Madya Dr. Norazlinda Binti Saad
: Dr. Juhaida Binti Abu Bakar
Pemerhati : Wakil RMC